

Ruj. Kami : () DBKL/JPPH/COBADMIN/21

Tarikh : 18 November 2015

PEKELILING COBKL 2015/06

Pengerusi

Badan Pengurusan Bersama (JMB)/

Perbadanan Pengurusan (MC)

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Tuan/ Puan,

PENGGUNAAN RUMAH KEDIAMAN BERSTRATA SEBAGAI RUMAH PENGINAPAN PELANCONG

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan surat pemakluman bertarikh 15 September 2015 oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkenaan mekanisme kawalan yang boleh dikenakan bagi mengawal rumah kediaman berstrata digunakan sebagai rumah penginapan pelancong atau *homestay*.

3. Cadangan yang dikemukakan oleh pihak KPKT adalah agar semua pihak pengurusan dapat menambahbaik Undang-Undang Kecil di bawah Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2015 sekiranya terdapat keperluan. Penambahbaikan Undang-Undang Kecil boleh dilaksanakan dengan memasukkan peruntukan yang tidak membenarkan unit kediaman berstrata digunakan sebagai kediaman pelancong atau *homestay* tanpa kebenaran pihak pengurusan. Namun demikian, cadangan penambahbaikan Undang-Undang Kecil tersebut perlu dibuat selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 32 dan seksyen 70 Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

4. Kerjasama tuan/puan adalah amat diharapkan demi kesejahteraan bersama komuniti strata. Dikemukakan perkara di atas untuk makluman dan perhatian pihak tuan/puan selanjutnya.

...2/-

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG"



(HJ. ABDUL SAMAD BIN LOPE PIHIE)
Timbalan Pesuruhjaya Bangunan *ilms*
Kuala Lumpur

s.k Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur
Merangkap Datuk Bandar Kuala Lumpur
- Untuk makluman YBhg. Datuk



Rujukan Kami : KPKT/800-11/1/2 (24)
Tarikh : 15 September 2015

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

Tuan/ Puan,

**PENGGUNAAN RUMAH KEDIAMAN BERSTRATA SEBAGAI RUMAH
PENGINAPAN PELANCONG**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara yang
tersebut di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat WGEI-PEMUDAH Bil.
6/2015 telah diadakan pada 14 Ogos 2015 yang lalu. Mesyuarat
berpandangan bahawa supaya satu mekanisme kawalan dikenakan bagi
mengawal rumah kediaman digunakan sebagai rumah penginapan
pelancong atau *homestay*.
- Sehubungan dengan itu, semua Pesuruhjaya Bangunan adalah
diminta untuk memaklumkan kepada semua pihak pengurusan bahawa
mereka boleh menambahbaik Undang-Undang Kecil di bawah Jadual Ketiga
Peraturan-Peraturan Pengurusan Strata (Penyenggaraan dan Pengurusan)
2015 sekiranya terdapat keperluan. Penambahbaikan Undang-Undang Kecil
boleh dilaksanakan dengan memasukkan peruntukan yang tidak
membenarkan unit kediaman digunakan sebagai kediaman pelancong atau
homestay tanpa kebenaran pihak pengurusan.
- Walaupun bagaimanapun, cadangan penambahbaikan undang-undang
kecil tersebut perlu dibuat selaras dengan seksyen 32 dan seksyen 70 Akta
Pengurusan Strata 2015.



Pengarah Jabatan Semakan Peraturan
Malaysian Produktiviti Corporation (MPC)
Lorong Produktiviti Off Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
SELANGOR

(u.p.: En. Kabir Ahmad Mohd Jamil
En. Mohd Azwan Mohd Salleh
Pn. Norhaniza Hamir
En. Muhammad Hisham Nordin)